

UMNO tembusi kubu PAS di Grik

GRIK, Ahad — UMNO Bahagian Grik berjaya menembusi kubu PAS di Kampung Sira Panas, kira-kira lapan batu dari sini. Menteri Besar Perak, Datuk Seri Haji Wan Mohamed selaku ketua bahagian merasmikan penubuhan cawangan UMNO kampung tersebut semalam.

Cawangan itu diketuai oleh Encik Yusof Sheikh Osman mempunyai 100 ahli.

Kampung Sira Panas sebelum ini merupakan kubu PAS terkuat.

Menteri Besar berkata, Bahagian Grik kini mempunyai 44 buah cawangan dan Kampung Sira Panas yang terbaru.

Bukan balak

Datuk Seri Haji Wan Mohamed yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Perak bagaimanapun, mengingatkan mereka yang menyertai UMNO agar tidak mempunyai motif mementing diri sendiri.

"Janganlah ingat, bila masuk UMNO seseorang mudah mendapat balak atau projek lain umpamanya," jelas beliau.

Datuk Seri Haji Wan Mohamed menyeru mereka yang menyertai UMNO, jangan bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' kerana gagal mencapai sesuatu hasrat.

Belliau menekankan pentingnya seluruh ahli UMNO menyokong dan bekerjasama untuk menguatkan lagi parti di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam.

"Ini semata-mata untuk menjamin keutuhan UMNO sebagai tulang belakang kerajaan sentiasa mendapat mandat dari rakyat," tegasnya.

Bahagian tersebut, katanya kini mempunyai lebih 6,000 ahli sejak diwujudkan tujuh tahun lalu berikutan perubahan kawasan pilihanraya.

Menteri Besar yang diiringi oleh isterinya, Datin Seri Hajah Mariah Haji Mahmud dan Ahli Parlimen Grik, Encik Mohd. Tajol Rosli Tan Sri Ghazali serta ahli-ahli jawatankuasa bahagian kemudian menghadiri majlis perjumpaan Hari Raya bersama lebih 1,000 orang penduduk di Dewan Bandaran Grik.